

Pusat dapat kuasa tangani sisa pepejal

BH - 13/6/2017

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Rang Undang-Undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang akan dibentangkan di Parlimen kelak akan memberi lebih kuasa kepada Kerajaan Pusat dalam pengurusan sisa pepejal.


Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata apabila diluluskan, ia membolehkan perjanjian sementara dengan tiga syarikat pengurusan sisa pepejal swasta dimuktamadkan dalam bentuk perjanjian konsesi, sekali gus memastikan mereka mematuhi syarat ditetapkan.

"Walaupun perkhidmatan yang diberikan selama ini tidak memuaskan, mereka tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya kerana kita belum menandatangani perjanjian secara formal atau muktamad," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar, di sini semalam.

Ketika ini, tiga syarikat swasta, iaitu Southern Waste Management Sdn Bhd (SWM), Northern Waste Industries dan Alam Flora Sdn Bhd mengendalikan pengurusan sisa pepejal di Semenanjung mengikut negeri yang ditetapkan.

Draf rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan pada mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan 22 Jun ini sebelum dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan bagi dibentangkan di Parlimen pada sesi akan datang.

Mengulas lanjut, Najib berkata, perjanjian konsesi yang akan ditandatangani dengan syarikat konsesi terbabit juga akan menyentuh pe-



ISU NEGARA: Najib mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar di Putrajaya, semalam. Turut hadir, (kiri) Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk S Sothinathan.

“Walaupun perkhidmatan tidak memuaskan, mereka tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya kerana kita belum menandatangani perjanjian secara formal”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

matuhan Indeks Prestasi Utama (KPI).

"Ini bermakna syarikat terbabit perlu mematuhi sasaran prestasi yang ditetapkan," katanya sambil menambah syarikat terbabit menghadapi kesukaran mendapatkan pembiayaan bagi meningkatkan perkhidmatan ketika ini kerana tiada perjanjian konsesi.

Mengenai pembayaran kepada syarikat konsesi berkenaan, Najib berkata, perkara itu akan dirunding bersama kerajaan negeri kerana sebahagian daripada pembayaran dibuat melalui pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Tetapi pada akhirnya apabila kita

mengeluarkan bil secara terus, ia akan pergi kepada perbadanan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata Jawatankuasa Kabinet Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar juga memutuskan masalah pembinaan pusat pelupusan sisa pepejal di Bukit Tagar, Selangor, diselesaikan secepat mungkin.

Katanya, soal perbelanjaan modal dan tempoh konsesi akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

"Kewujudan pusat ini akan memberi banyak kelegaan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sebahagian Selangor dari segi pelupusan sisa pepejal," katanya.